



7 September 2016
7 September 2016
P.U. (B) 401

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENENTUAN KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN
MUKTAMAD AFIRMATIF DUTI ANTI-LAMBAKAN
MENGENAI IMPORT *CELLULOSE FIBRE REINFORCED
CEMENT FLAT* DAN *PATTERN SHEETS* YANG BERASAL
ATAU DIEKSPORT DARI THAILAND BERKENAAN
DENGAN MAHAPHANT FIBRE-CEMENT
PUBLIC COMPANY LIMITED

*NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL ADMINISTRATIVE
REVIEW DETERMINATION OF AN ANTI-DUMPING DUTY
WITH REGARD TO THE IMPORTS OF CELLULOSE FIBRE
REINFORCED CEMENT FLAT AND PATTERN SHEETS
ORIGINATING OR EXPORTED FROM THE KINGDOM OF
THAILAND IN RESPECT OF MAHAPHANT FIBRE-CEMENT
PUBLIC COMPANY LIMITED*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN MUKTAMAD AFIRMATIF DUTI ANTI-LAMBAKAN MENGENAI IMPORT *CELLULOSE FIBRE REINFORCED CEMENT FLAT* DAN *PATTERN SHEETS* YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI THAILAND BERKENAAN DENGAN MAHAPHANT FIBRE-CEMENT PUBLIC COMPANY LIMITED

(AR 01/16)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(4) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*], Kerajaan telah membuat penentuan kajian semula pentadbiran muktamad afirmatif terhadap pengenaan duti anti-lambakan mengenai import *cellulose fibre reinforced cement flat* dan *pattern sheets* dan secara khususnya mengecualikan *external roofing* yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 6811.82 100 dan 6811.82 900 dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 6811.82. 90 10 dan 6811.82. 90 90 yang berasal atau diekспорт dari Thailand berkenaan dengan Mahaphant Fibre-Cement Public Company Limited (“dagangan subjek”).

Sebab bagi penentuan kajian semula pentadbiran muktamad afirmatif

2. Sebab bagi penentuan kajian semula pentadbiran muktamad afirmatif adalah seperti yang berikut:

- (a) terdapat perubahan margin lambakan yang substantif bagi import dagangan subjek; dan
- (b) margin lambakan sebanyak 19.74 peratus didapati wujud melalui kegiatan lambakan oleh Mahaphant Fibre-Cement Public Company Limited.

Duti anti-lambakan

3. Duti anti-lambakan yang akan dikenakan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Sebab bagi duti anti-lambakan

4. Sebab bagi pengenaan duti anti-lambakan di bawah perenggan 3 adalah untuk

mencegah lambakan dan kemudaran yang berterusan atau berulang kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran di bawah kajian.

Tempoh pengenaan duti anti-lambakan

5. (1) Duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah perenggan 3 hendaklah terpakai mulai 14 September 2016 hingga 29 Mac 2019.

(2) Duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah Notis Penentuan Muktamad Afirmatif Penyiasatan Duti Anti-Lambakan mengenai Import *Cellulose Fibre Reinforced Cement Flat* dan *Pattern Sheets* yang Berasal atau Dieksport dari Thailand [*P.U. (B) 99/2014*] dibatalkan berkenaan dengan Mahaphant Fibre-Cement Public Company Limited berkuat kuasa mulai 14 September 2016.

JADUAL
[Perenggan 3]
DUTI ANTI-LAMBAKAN

<i>Negara</i>	<i>Pengeluar/Pengeksport</i>	<i>Kadar Duti [Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]</i>
Thailand	Mahaphant Fibre-Cement Public Company Limited	19.74%

Bertarikh 1 September 2016
[MITI:ID/(S)/AP/AD/045/35-AR]ld.3; PN(PU2)529/XXII]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL ADMINISTRATIVE REVIEW DETERMINATION OF AN ANTI-DUMPING DUTY WITH REGARD TO THE IMPORTS OF CELLULOSE FIBRE REINFORCED CEMENT FLAT AND PATTERN SHEETS ORIGINATING OR EXPORTED FROM THE KINGDOM OF THAILAND IN RESPECT OF MAHAPHANT FIBRE-CEMENT PUBLIC COMPANY LIMITED

(AR 01/16)

IN exercise of the powers conferred by subsection 28(4) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*], the Government has made an affirmative final administrative review determination on the imposition of an anti-dumping duty with regard to the imports of cellulose fibre reinforced cement flat and pattern sheets and specifically excluding external roofing which are classified under the Harmonised System Code (H.S. Code) 6811.82 100 and 6811.82 900 and ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature (AHTN) 6811.82. 90 10 and 6811.82. 90 90 originating or exported from the Kingdom of Thailand in respect of Mahaphant Fibre-Cement Public Company Limited (“subject merchandise”).

Reasons for affirmative final administrative review determination

2. The reasons for the affirmative final administrative review determination are as follows:

- (a) there is a substantial change in the dumping margin for the imports of subject merchandise; and
- (b) the dumping margin of 19.74 percent is found to exist through the dumping activities by Mahaphant Fibre-Cement Public Company Limited.

Anti-dumping duties

3. The anti-dumping duties to be imposed shall be as specified in the Schedule.

Reason for anti-dumping duties

4. The reason for the imposition of anti-dumping duties under paragraph 3 is to prevent continuation or recurrence of dumping and injury to the domestic industry in Malaysia producing the product under review.

Period of imposition of anti-dumping duties

5. (1) The anti-dumping duties imposed under paragraph 3 shall apply from 14 September 2016 to 29 March 2019.

(2) The anti-dumping duties imposed under the Notice of Affirmative Final Determination of an Anti-Dumping Duty Investigation with respect to Imports of Cellulose Fibre Reinforced Cement Flat and Pattern Sheets Originating or Exported from the Kingdom of Thailand [*P.U. (B) 99/2014*] is revoked in respect of Mahaphant Fibre-Cement Public Company Limited with effect from 14 September 2016.

SCHEDULE
[Paragraph 3]
ANTI-DUMPING DUTIES

<i>Country</i>	<i>Producer/Exporter</i>	<i>Rate of Duties [Percentage (%) of the Cost, Insurance and Freight (CIF) Value]</i>
The Kingdom of Thailand	Mahaphant Fibre-Cement Public Company Limited	19.74%

Dated 1 September 2016
[MITI:ID/(S)/AP/AD/045/35-AR]ld.3; PN(PU2)529/XXII]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Minister of International Trade and Industry